

10 MAY 1997

Mahathir-DAP

KES GUAN ENG: MAHATHIR BIDAS MEDIA

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas media termasuk media tempatan kerana memberi gambaran bahawa kerajaan tidak demokratik berhubung keputusan mahkamah yang mendapati Anggota Parlimen DAP Lim Guan Eng bersalah terhadap tuduhan menerbitkan risalah mengandungi fakta palsu dan menghasut.

Perdana Menteri berkata beliau "amat sedih" dengan laporan media ekoran keputusan mahkamah itu yang mengenakan denda berjumlah RM15,000 terhadap Lim yang seolah-olah menganggapkan tindakan itu sesuatu yang tidak adil walaupun ia mengikut undang-undang negara.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi Umno di sini, Dr Mahathir yang juga presiden parti itu membandingkan laporan media mengenai kes Umno diharamkan pada 1988 yang tidak menimbulkan reaksi yang kritikal terhadap kerajaan seperti apabila Lim didapati bersalah.

Dr Mahathir begitu tersinggung dengan liputan media mengenai perkara itu sehingga pada satu ketika membuat "gempar" apabila mengumumkan pada persidangan berita itu bahawa kerajaan telah mengambil keputusan untuk "mengharamkan" DAP.

Kenyataan beliau ini ternyata mengejutkan pemberita yang terpegun seketika.

Apabila beberapa pemberita kemudian bertanya sama ada DAP diharamkan atau diisytiharkan tidak sah, Dr Mahathir yang pada mulanya kelihatan serius, bertukar mood untuk melegakan suasana dengan menjawab: "Saya sekadar mahu melihat reaksi kamu."

"Sememangnya tidak ada apa-apa (ke arah itu). Jika kamu memang menyangka kerajaan ini tidak demokratik, ia mungkin akan melakukannya," katanya.

Beliau berkata Umno tidak membantah apabila mahkamah membuat keputusan mengisytiharkan ia tidak sah dahulu ataupun apabila beberapa keputusan pilihan raya yang dimenangnya dibatalkan oleh mahkamah, walaupun ia merugikan parti dan kerajaan.

"Kita tak protes. Sebaliknya kerana kes Guan Eng ini, dikatakan kita tak demokratik dan kita kuasai mahkamah," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata jika benar kerajaan menguasai mahkamah, kenapa pula semasa Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang didapati bersalah pada tahun 1970'an, denda yang dikenakan mahkamah sengaja dikurangkan di bawah RM2,000 supaya dia tak terlucut keanggotaannya dalam Parlimen.

"Itu menunjukkan pihak mahkamah memihak kepada pembangkang. Sebaliknya (apabila) pihak mahkamah menekan kerajaan, kita tak protes dan akhbarpun anggap ini perkara biasa," katanya.

Tetapi, menurut Dr Mahathir, dalam kes Guan Eng, pihak akhbar termasuk akhbar tempatan yang kononnya dimiliki oleh parti-parti kerajaan, memberi keutamaan kepada kenyataan Kit Siang tentang ketidakadilan keputusan mahkamah, sedangkan nasib lebih buruk yang menimpa parti kerajaan tidak dijadikan perbandingan.

Ini, kata beliau, seolah-olah menggambarkan bahawa adalah benar hukuman ke atas Guan Eng oleh Mahkamah Tinggi Melaka 28 April lepas, merupakan satu ketidakadilan dan tidak demokratiknya Malaysia.

"Tetapi akhbar tempatan juga nampak mirip bahawa keputusan mahkamah tak adil dan tidak demokratik. Kita hairan kenapa penilaian begini dibuat terhadap sesuatu tindakan yang dibuat mengikut undang-undang negara, atau

lebih daripada itu," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata di sesetengah negara lain, tindakan lebih keras lagi adakalanya dikenakan terhadap pembangkang tetapi ini tidak berlaku di Malaysia.

Laporan sedemikian juga seolah-olah bermakna bahawa pembangkang diberi keistimewaan atau mereka mereka bebas berbuat apa sahaja, dan tindakan undang-undang biasapun tidak boleh dikenakan kepada pembangkang.

"Saya kurang faham kenapa ada sikap begitu," kata Dr Mahathir.

Sambil merujuk kepada "pengumuman" beliau berhubung "pengharaman" DAP itu, seorang pemberita memberitahu Dr Mahathir: "Kami terkejut."

"Kamu bukannya terkejut, saya tak nampak di wajah kamu yang kamu terkejut. Saya seorang doktor, saya boleh nampak. Apabila kamu mula berpeluh, menggeletar, itu baru terkejut. Tidak ada apa yang berlaku," kata Perdana Menteri.

Walaupun Dr Mahathir bercakap panjang lebar mengenai perkara itu, seorang pemberita nampaknya masih tidak faham dan bertanya berapa lama DAP akan diharamkan.

Semua yang hadir ketawa apabila beliau menjawab: "Saya rasa awak tak faham semua yang saya cakapkan tadi."

Pemberita: "Pada masa ini, media tempatan dituduh pro kerajaan, tetapi dalam kes ini, tidakkah Datuk Seri berpendapat ianya satu liputan yang adil?"

Dr Mahathir: "Media tempatan dituduh pro kerajaan oleh pihak lain dan oleh media asing, tetapi hakikatnya ialah media tempatan tidak langsung menyokong kerajaan."

Katanya daripada laporan yang dibacanya mengenai kes Guan Eng dan publisiti kepada Anggota Parlimen Kota Melaka itu, seolah-olah menunjukkan tindakan terhadap Guan Eng tidak adil.

Dengan memberi contoh keputusan mahkamah baru-baru ini menolak kemenangan calon parti yang memerintah dalam pilihan raya negeri Sarawak kawasan Bukit Begunan, beliau berkata: "Orang parti kita menang tapi mahkamah kata kemenangan dia tak boleh diiktiraf. (Ini) kerana orang lain bagi duit kepada orang lain dan dia tak bagi duit kepada sesiapa pun, ejen dia tak bagi duit kepada sesiapa pun."

"Tapi disebabkan terdapat unsur-unsur rasuah, dia terpaksa memikul bebannya. Tak ada siapa bela dia, dan apabila dia bertanding semula, dia menang."

Dalam kes Guan Eng, katanya, jelas sekali dia telah melakukan sesuatu kesalahan dan mengikut undang-undang dia bersalah "tetapi kenapa sikap terhadap Guan Eng berbeza."

Mengenai Guan Eng sendiri, Perdana Menteri berkata Timbalan Setiusaha Agung DAP itu apabila bercakap di Parlimen hanya mengeluarkan tuduhan-tuduhan yang "amat berbisa".

"Itulah saja perkataan yang saya dapat gunakan. Dia tidak bercakap, dia melemparkan tuduhan. Kita terima saja semua tuduhannya terhadap kerajaan."

"Saya yakin di beberapa negara lain, dia mungkin diseret ke mahkamah kerana satu atau beberapa sebab dan dikenakan denda berat dan tidak dapat lagi menjadi Anggota Parlimen."

"Tetapi di Malaysia, selama ini dia bebas berkata semua perkara yang buruk-buruk ini," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata mahkamah telah mendapati apa yang Guan Eng lakukan adalah menghasut dan keputusan itu bukannya dibuat oleh kerajaan.

Tetapi ada orang yang didorong untuk menganggap bahawa mahkamah menerima arahan daripada kerajaan.

Sambil menolak anggapan ini, Dr Mahathir berkata: "Jika ia menerima arahan daripada kerajaan, kenapa mahkamah mengharamkan Umno."

Ketika ditanya jika beliau berpendapat media tempatan tidak menyokong

kerajaan, beliau menjawab : "Ya, media tempatan dan media asing tidak menyokong kerajaan. Media asing memanglah, tetapi media tempatan, kenapa bagi Guan Eng dan Kit Siang banyak publisiti."

Pemberita: "Inilah pertama kali Datuk Seri mengeluarkan kenyataan yang keras berhubung kes Guan Eng. Sebelum ini, kerajaan tidak berbuat demikian?"

Dr Mahathir: "Awak tidak bertanya kepada saya langsung. Hari ini, saya mengambil kesempatan untuk bercakap mengenainya sebab kami dalam Majlis Tertinggi Umno membincangkannya."

Katanya apabila beliau pulang daripada lawatan ke Afrika dua hari lepas, tidak ada pemberita yang bertanyakannya mengenai perkara itu.

"Saya berjumpa akhbar berkali-kali. Sebenarnya, banyak masa saya dihabiskan dengan diekori media, sehingga saya boleh merasa "press" (tekanan). Dengan mengenakan tekanan kepada saya, tak ada sekali pun soalan berkenaan Guan Eng."

Ketika ditanya sama ada beliau berpendapat Guan Eng memang patut dikenakan hukuman seperti yang diterimanya itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak peduli sama ada dia patut menerimanya atau tidak, tetapi ianya didasarkan kepada undang-undang. Dia melakukan kesalahan dan dia didenda.

"Malah, denda itupun bukannya yang maksimum. (Dia) tidakpun dipenjarakan tetapi sudahpun ada orang berkata kita tidak demokratik.

"Sebuah majalah asing berkata kita tidak demokratik. Saya ingin tahu sama ada anggota pembangkang dikecualikan atau tidak tertakluk kepada undang-undang," katanya.

malahan, Perdana Menteri berkata, semua Sultan tidak lagi terkecuali daripada undang-undang tetapi pihak pembangkang nampaknya mempunyai andaian bahawa apa saja mereka lakukan, undang-undang tidak boleh menyentuh mereka.

-- BERNAMA

AU ZAB MAI